



Harga gula: Mekanisme apungan atau harga siling akan ditentukan kerajaan - MSM

Oleh Mohd Zaky Zainuddin - Jun 6, 2024 @ 5:07pm

zaky@bh.com.my



Gambar fail. Aktiviti pembungkusan Gula Prai yang telah siap diproses di Malaysia Sugar Manufacturing (MSM) Prai. - NSTP/Shahnaz Fazlie Shahrizal

KUALA LUMPUR: MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) masih menantikan keputusan kerajaan sama ada akan menggunakan mekanisme apungan, yang akan menyaksikan berlakunya pergerakan harga, atau terus menggunakan kaedah kawalan harga siling.

Jika diapungkan, harga gula berkemungkinan meningkat sekitar 80 sen hingga RM1.50 daripada harga kawalan ketika ini iaitu RM2.85 sekilogram.

Namun ia bergantung kepada pendekatan yang akan digunakan kerajaan dalam memutuskan perkara terbabit.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM), Syed Feizal Syed Mohammad, berkata harga gula akan ditentukan kerajaan dan akan diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Sekiranya mekanisme apungan digunakan, kita akan melihat pergerakan harga seperti mana harga tepung ketika ini, di mana penetapan harga bergantung kepada pasaran global.

"Berdasarkan perbincangan, kerajaan terbuka dengan mekanisme apungan, namun sebarang keputusan dijangka mengambil kira maklum balas rakyat," katanya selepas Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) MSM Ke-13 di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Pengurus MSM, Datuk Syed Hisham Syed Wazir; Ketua Pegawai Operasi MSM, Hasni Ahmad dan Ketua Pegawai Kewangan MSM, Dr Mazatul Aini Shahar Abdul Malek Shahar.

Syed Feizal berkata, dalam langkah menaikkan harga itu, MSM juga perlu memberi pelanggan masa untuk sedia menerima dan menyesuaikan diri dengan harga baharu.

"Hakikatnya ketika ini adalah harga jualan runcit gula di Malaysia adalah yang termurah di Asia," katanya.

Beliau menegaskan, walaupun kerajaan menyediakan insentif RM1 bagi setiap kilogram gula untuk segmen runcit kepada pengeluar gula, namun jumlah berkenaan tidak mencukupi untuk mengimbangi kos pengeluaran.

"Industri gula memerlukan kenaikan harga kerana lonjakan kos.

"Apabila dibandingkan 2023 dengan 2022, kami merekodkan peningkatan sebanyak 15 peratus dalam kos pengeluaran disebabkan oleh kenaikan harga gula mentah dan susut nilai ringgit. Selain itu, kos gas asli, penting untuk menjana wap dalam proses penapisan yang mewakili kira-kira 40 peratus daripada perbelanjaan penapisan kami, melonjak sebanyak 15 peratus.

"Seperti yang dinyatakan sebelum ini, lonjakan harga gas asli pada tahun 2023 telah mendorong kos penapisan meningkat, mengakibatkan peningkatan kos keseluruhan yang ketara bagi kumpulan," katanya.

Sementara itu, MSM telah menunjukkan daya tahan yang menggalakkan dengan prestasi kewangan yang kukuh pada suku keempat 2023 dan suku pertama 2024.

Walaupun menghadapi cabaran yang wujud dalam landskap ekonomi industri gula tempatan, MSM telah mengekalkan keuntungan yang ketara.

Kejayaan itu berkait rapat dengan insentif industri gula kerajaan, yang memainkan peranan penting dalam menstabilkan sektor ini dalam menangani anomali harga runcit pengguna yang rendah dan menyokong gabungan industri gula tempatan.

Walaupun MSM mencatatkan keuntungan untuk dua suku tahun berturut-turut, industri gula terus menghadapi kos input yang tinggi bagi gula mentah dan dengan kadar pengangkutan kekal tidak menentu, diburukkan lagi oleh krisis Laut Merah sejak suku pertama 2024.

Kos gas asli juga kekal tinggi, dan import gula mentah dipengaruhi oleh dolar Amerika Syarikat (AS) yang lebih kukuh berbanding ringgit.

Syed Feizal berkata, MSM menekankan komitmennya terhadap kecekapan dan pertumbuhan operasi, khususnya di MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd (MSM Johor).

Faktor penggunaan (UF) telah meningkat dengan ketara, sejajar dengan sasaran kecekapan.

"Kumpulan mengesahkan komitmen berterusannya kepada program peningkatan yang bertujuan untuk meningkatkan lagi produktiviti dan menurunkan kos unit.

"Pada 2023, kami mengeluarkan lebih daripada 992,000 tan dengan penggunaan kapasiti sebanyak 48 peratus untuk kumpulan.

"Mengikut pecahan loji penapisan, penggunaan kapasiti loji penapisan MSM Johor sebanyak 22 peratus, peningkatan daripada 17 peratus pada 2022. Manakala di MSM Prai, penggunaan kapasiti adalah 73 peratus pada 2023," katanya.

HEADLINE	Harga gula: Mekanisme apungan atau harga siling akan ditentukan kerajaan - MSM
MEDIA	Berita Harian - Online
DATE	06 June 2024 , 5:07pm
BY	Mohd Zaky Zainuddin
LINK	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2024/06/1255656/harga-gula-mekanisme-apungan-atau-harga-siling-akan-ditentukan